Pendakwa Raya lwn Muhammad Roszuhaizat bin Hassan dan rayuan-rayuan lain

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-40–9 TAHUN 2012, 42H-41–9 TAHUN 2012 DAN 42S-38–9 TAHUN 2012
AZMAN ABDULLAH H
31 DISEMBER 2013

Prosedur Jenayah — Hukuman — Rayuan terhadap hukuman — Tuduhan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan — Sama ada hukuman 10 tahun penjara memadai — Sama ada hukuman berat diperlukan

Prosedur Jenayah — Tuduhan — Pindaan kepada tuduhan — Sama ada tuduhan perlu dipinda apabila tertuduh lain dibebaskan di akhir perbicaraan — Sama ada peruntukan s 158 Kanun Tatacara Jenayah terpakai untuk penghakiman di akhir perbicaraan

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 304(a) — Bunuh — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada hakim khilaf dalam menerima keterangan saksi berkepentingan — Sama ada tuduhan sepatutnya dipinda apabila tertuduh lain dibebaskan di akhir perbicaraan — Sama ada sabitan selamat — Sama ada hukuman 10 tahun penjara memadai

Seramai lapan orang telah dituduh di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan ('KK') dibaca bersama-sama dengan s 34 KK iaitu menyebabkan kematian Mohammad Ramzi ('si mati'). Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah memutuskan memanggil tertuduh 1 ('T1') sehingga tertuduh 7 membela diri manakala untuk tertuduh 8 dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. Di akhir kes pembelaan HMS telah hanya mensabitkan T1 bersalah manakala T2 hingga T7 dilepas dan dibebaskan. HMS telah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun ke atas T1. T1 telah merayu atas sabitan dan hukuman. Manakala pihak pendakwaan telah merayu atas pelepasan dan pembebasan T2 hingga T8. Pendakwaan juga telah merayu terhadap hukuman ke atas T1. Pergaduhan yang membawa kepada kematian si mati adalah berpunca hanya kepada satu perbalahan kecil antara adik si mati (SP14) dengan rakan di sekolah dan telah dicamputangan oleh T4 dan T5. Punca perbalahan ialah tertumpahnya kuah asam [colek] di atas kasut SP14. Lanjutan daripada perbalahan ini, beberapa kali pergaduhan telah berlaku antara kedua-dua pihak. Pada hari kejadian tertuduh-tertuduh telah datang ke rumah si mati dan telah menyerang dan memukul si mati. Apabila si mati

bangun hendak melarikan diri, T1 telah membaling golok yang telah kena di bahagian belakang si mati menyebabkan si mati jatuh sekali lagi. T5 telah memukul dengan topi keledar dan T3 memukul si mati dengan kayu hoki dan tertuduh yang lain turut memukul dengan besi, batang paip, dan cota. Akhir sekali pukulan yang mambawa maut ialah oleh T1 di mana saksi mata iaitu ayah si mati SP6, emak si mati SP8 dan SP10 adik si mati melihat bagaimana T1 memukul si mati dengan tukul besi. Selepas si mati dipukul dengan tukul semua penyerang bersurai dan T1 bersurai akhir sekali selepas mengambil parang/golong pada belakang tubuh si mati. Dengan kata lain T1 dengan rasa selamat dan angkuh masih sempat mengambil semula senjata yang melekat pada badan si mati yang pada masa itu dalam keadaan nyawa-nyawa ikan. Keterangan Pakar Forensik (SP4) yang menjalankan pembedahan ke atas mayat si mati mengesahkan bahawa punca kematian si mati adalah kerana kecederaan teruk di kepala disebabkan hentakan benda tumpul. Menurut SP4, kecederaan diakibatkan oleh objek yang hujungnya berbentuk bulat/separa bulat dan ianya tumpul. SP4 juga menyatakan bahwa hujung kayu hoki yang bengkok di depan boleh sebabkan kecederaan ini. T1 berhujah bahawa terdapat percanggahan berkenaan apakah sebenarnya senjata yang digunakan untuk memukul si mati oleh T1, kerana terdapat keterangan yang mengatakan kayu hoki manakala SP6 dan SP10 mengatakan tukul digunakan oleh T1 pada akhir pukulan yang membawa maut. T1 juga berhujah bahawa pertuduhan perlu dipinda sebelum diputuskan T1 sahaja disabitkan bersalah manakala T2 dan T7 dilepas dan dibebaskan.

Diputuskan, menolak rayuan T1, membenarkan rayuan pendakwaan ke atas hukuman ke atas T1 dan menolak rayuan pendakwaan ke atas pembebasan T2 hingga T8:

(1) Walaupun dikatakan terdapat versi yang berbeza berkenaan jenis senjata yang digunakan untuk memukul si mati namun dari keterangan SP4, ternyata bentuk alat yang menyebabkan kematian adalah dari bentuk lekuk 5cm atau benda tumpul yang keras dan bulat yang mana bersamaan dengan kayu hoki dan tukul besi. Dengan keterangan SP4 ini, sama ada kayu hoki atau tukul besi ianya menjurus kepada T1 yang terakhir sekali memukul si mati dilihat oleh SP6, SP8 dan SP10. Oleh itu, tukul adalah bersamaan dengan senjata yang dikatakan menjurus kepada T1 yang menggunakannya (lihat perenggan 35–36).

(2) Tidak terdapat anggapan undang-undang bahawa saksi berkepentingan tidak patut dipercayai. Saksi berkepentingan adalah berhak diterima keterangan mereka sama seperti saksi-saksi lain sehingga dapat dibuktikan dari keadaan sekeliling, saksi tersebut adalah sebaliknya. Selain dari saksi-saksi yang dikatakan berkepentingan seperti SP6, SP8, SP9 dan SP10, SP7 adalah saksi yang bukan mempunyai pertalian darah. Namun keterangan SP7 adalah menyokong keterangan saksi-saksi lain yang mana kejadian berlaku di hadapan rumah SP7. SP7 dapat cam T1

sebagai salah seorang yang memukul si mati, selari dengan keterangan SP6 dan SP10 (lihat perenggan 39–40).

(3) Keputusan HMS mendapati T1 sahaja bersalah dan melepaskan dan membebaskan T2 hingga T7 adalah tidak memerlukan suatu pindaan terhadap pertuduhan. Peruntukan s 158 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') tidak terpakai untuk penghakiman di akhir perbicaraan kerana T1 bukan lagi mempunyai hak untuk memanggil saksi sebab mahkamah telah memutuskan T1 bersalah. Tambahan lagi, s 422 KTJ tidak menjadikan suatu ketidakpatuhan dengan peninggalan boleh menjadikan ianya diputus sebaliknya walaupun pertuduhan itu gagal dipinda asalkan ianya bukan membawa kepada kegagalan kepada keadilan (lihat perenggan 44–47).

(4) HMS telah mempunyai keistimewaan melihat 'demeanor' saksi sama ada bercakap benar atau tidak. Penemuan atas sesuatu fakta oleh hakim yang mendengar kes adalah berbeza dengan hakim yang meneliti hanya melalui rekod rayuan sahaja. Mahkamah rayuan tidak mempunyai sebab untuk tidak menerima dapatan tersebut melainkan dapat ditujukan bahawa HMS tidak munasabah di dalam penemuan fakta dan penelitian ke atas saksi-saksi pendakwaan. Mahkamah tidak berhasrat untuk mengganggu dapatan yang dibuat oleh HMS di akhir kes pendakwaan dan di akhir kes pembelaan untuk T1 terutamanya dan T2 hingga T8 amnya (lihat perenggan 52); *Muhd Zulkifli bin Abd Ghani v Public Prosecutor* [2012] 2 MLJ 1 dirujuk.

(5) Hukuman 10 tahun penjara tidak memadai dan terlampau ringan. Hukuman maksima di bawah s 304(a) adalah 30 tahun. Tindakan T1 memukul si mati dengan tukul adalah amat kejam sekali. T1 orang yang paling akhir meninggalkan tempat kejadian dengan mana sempat mengambil parang/golok yang berada di bahagian belakang tubuh si mati yang dibalingkan sebelum itu dan menyebabkan si mati rebah dan disepak pula si mati dan dihentam dengan tukul yang membawa maut. Kepentingan awam adalah perlu diutamakan di mana perbutan menyerang beramai-ramai dan isu pergaduhan hanya setakat isu tumpah kuah asam/colek dan berakhir dengan kematian perlu dikenakan hukuman yang berat dan setimpal agar bukan sahaja tertuduh insaf tetapi masyarakat di luar sana merasa takut dan gentar dengan hukuman yang bakal diterima jika melakukan juga (lihat perenggan 55–57); *Public Prosecutor v Murugesan a/l Muniyandi* [2012] 6 MLJ 805 dirujuk.

[English summary

Eight people were charged under s 304(a) of the Penal Code ('PC') read together with s 34 of the PC which was causing the death of one Mohammad Ramzi ('the deceased'). At the end of the prosecution's case, the sessions court judge ('SCJ') decided to call the first to the seventh accused person to enter

defence while the eighth accused person was acquitted and discharged. The SCJ sentenced the first accused person to 10 years imprisonment. The first accused person appealed against the conviction and sentence. On the other hand, the prosecution appealed against the acquittal and discharge of the second to eighth accused person. The prosecution also appealed against the sentencing of the first accused. The fight which led to the death of the deceased was caused by a quarrel between the deceased's brother ('SP14') and his school friend which was intervened by the fourth and fifth accused persons. The cause of the fight was because of a spill of gravy on SP14's shoe. Pursuant from the fight, a few other fights between both parties followed suit. On the day of the tragedy, the accused persons had gone to the deceased's house and had attacked and hit the deceased. When the deceased got up to flee the scene, the first accused person threw golok which hit the deceased's back, causing him to fall again. The fifth accused person hit him with a helmet and the third accused person hit him with a hockey stick and the other accused persons hot him with steel, pipes and cota. Finally, the fatal blow was by the first accused person where the eyewitnesses, namely the deceased's father SP6, his mother SP8 and SP10 his younger brother, who all saw how the first accused person hit the deceased with a hammer. After the deceased was hit with a hammer, the attackers dispersed and the first accused person was the last to leave after taking the parang on the back of the deceased's body. In other words, the first accused person, feeling secure and arrogant, had the time to take weapon stucked on the deceased's body, who was at that time dying. Forensic evidence ('SP4') who carried out post mortem on the deceased's body confirmed that the cause of death was severe injuries on the head caused by a blunt object. According to SP4, the injury was caused by an object which had rounded edges/semi-rounded and it was blunt. SP4 also stated that the end of a bended hockey stick could have caused this injury. The first accused person argued that there was inconsistency as to what was the weapon used to hit the deceased by the first accused, as there was evidence that which suggested a hockey stick while SP6 and SP10 said a hammer was used by the first accused for the final blow. The first accused also argued that the first charge had to also be amended before it could be decided that it was only the first accused was convicted while the second and seventh accused persons were acquitted.

Held, dismissing the first accused person's appeal, allowing the prosecution's appeal against the sentencing of the first accused person and dismissing the prosecution's appeal against the discharge of the second to eighth accused persons:

(1) Even though it was said that there were diverging versions relating the weapon used to hit the deceased based on SP4's evidence, it was obvious that the shape of the tool which was hard and rounded which resembled a hockey stick and a hammer. With SP4's evidence, whether the hockey stick or a hammer, it led to the first accused being the last person seen to

have hit the deceased as seen by SP6, SP8 and SP10. Hence, the hammer was equivalent to the weapon which was said to have led to the first accused person using it (see para 35–36).

(2) There is no assumption of law that interested witness could not be trusted. The evidence of interested witness should be accepted like any other witnesses until it could be proven circumstantially, the witness was otherwise. Aside from witnesses who were said to be interested like SP6, SP8, SP9 and SP10, SP7 was a not a witness who had any blood relation. However, SP7's evidence was in support of the other witnesses in which the tragedy happened in front of SP7's house. SP7 could identify the first accused as one of the people who hit the deceased, consistent with the evidence of SP6 and SP10 (see para 39–40).

(3) The SCJ's decision to find only the first accused was guilty and acquitting and discharging the second to seventh accused persons did not require an amendment to the charge. Section 158 of the Criminal Procedure Code ('CPC') was not applicable to judgment at the end of the trial as the first accused person no longer had the right to call the witness as the court had found the first accused person guilty. In addition to that, s 422 of the CPC did not make it an irregularity that an omission could be held otherwise even though the charged was not amended as long as it dit not lead to miscarriage of justice (see para 44–47).

(4) The SCJ had the advantage of seeing the 'demeanor' as to whether witness as speaking the truth or not. Finding of a certain fact by the trial judge hearing a case would be different from the judge scrutinising it by appeal record only. The court of appeal did not have a reason to not accept the finding unless it could be proven that the SCJ was unreasonable in his finding of fact and scrutiny of the prosecution's witnesses. The court did not wish to disturb the findings made by the SCJ at the end of the prosecution's case and at the end of the defence's case for the first accused person specifically and the second to eight accused persons generally *Muhd Zulkifli bin Abd Ghani v Public Prosecutor* [2012] 2 MLJ 1 referred (see para 52).

(5) The sentence of 10 years imprisonment was not proportionate was extremely light. The maximum sentence under s 304(a) was 30 years. The first accused's action of hitting the deceased with a hammer was extremely cruel. The first accused person was the last person who left the crime scene in which he even took the parang which was at the back of the deceased's body which was thrown prior to that and had caused the deceased to fall and the deceased was further kicked and hit with a hammer which was fatal. Public policy must be given priority in which a gang attack and the issue of fight over spillage of gravy and ending with death must be given a heavy and proportionate penalty so that the accused person would repent but also for the society out there to fear and

be scared of the sentence which would be given if the still do it; *Public Prosecutor v Murugesan a/l Muniyandi* [2012] 6 MLJ 805 referred (see para 55–57)]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 3823–3939.
Untuk kes-kes mengenai pindahan kepada tuduhan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 1177–1286.
Untuk kes-kes mengenai s 304(a) Kanun Keseksaan, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 2042–2046.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 815, MP (dirujuk)
Balasingham v PP [1959] 1 MLJ 193; [1959] 1 LNS 8 (dirujuk)
Che Hassan bin Senawi v PP [2009] 1 MLJ 55; [2008] 5 CLJ 769, MR (dirujuk)
Cheong Kam Kuen v PP [2013] 1 MLJ 15; [2012] 8 CLJ 537, MP (dirujuk)
Hercun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209, MP (dirujuk)
Msimangga Lesaly v PP [2005] 4 MLJ 314, MR (dirujuk)
Muhd Zulkifli bin Abd Ghani v PP [2012] 2 MLJ 1, MP (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15 (dirujuk)
PP v Murugesan a/l Muniyandi [2012] 6 MLJ 805, MR (dirujuk)
Sabarudin bin Non & Ors v PP [2005] 4 MLJ 37, MR (dirujuk)
Yong Kar Mun v PP [2012] 6 MLJ 209; [2013] 5 CLJ 751, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 s 3
Kanun Keseksaan ss 34, 299, 302, 304(a)
Kanun Tatacara Jenayah ss 158, 314, 422

Wan Azimah bt Yaakob (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak pendakwaan.
Mohd Illyas bin Mohd Noor (Mohd Illyas & Co) bagi pihak responden.

Azman Abdullah H:

LATAR BELAKANG RAYUAN

[1] Seramai lapan orang telah dituduh di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan (KK) dibaca bersama-sama dengan s 34 KK iaitu menyebabkan kematian Mohammad Ramzi bin Ibrahim pada 16 Mei 2007 di hadapan rumah No 5430, Jalan Kebun Sultan, Kota Bharu, Kelantan. Di akhir kes pendakwaan tuan hakim mahkamah sesyen ('Tuan HMS') telah memutuskan memanggil tertuduh 1 ('T1') sehingga tertuduh 7 ('T7') membela diri manakala untuk

tertuduh 8 ('T8') dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. Di akhir kes pembelaan Tuan HMS telah hanya mensabitkan T1 bersalah manakala T2 hingga T7 dilepas dan dibebaskan. A

[2] Tuan HMS telah menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun keatas T1 dan membenarkan penggantungan hukuman penjara dengan jaminan RM15,000 sementara rayuan ke Mahkamah Tinggi ini didengar. B

Pihak T1 telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi ini atas sabitan dan hukuman. Manakala pihak pendakwaan turut memfailkan rayuan atas pelepasan dan pembebesan T2 hingga T8 dan rayuan terhadap hukuman ke atas T1. C

[3] Mahkamah Tinggi ini setelah meneliti rekod rayuan dan hujahan oleh peguambela T1 dan pendakwaan telah menolak rayuan T1 keatas sabitan dan hukuman dan Mahkamah Tinggi ini telah membenarkan rayuan pendakwaan ke atas hukuman ke atas T1 di mana hukuman penjara dari 10 tahun ditambah menjadi 15 tahun penjara. D

E

Manakala rayuan oleh pihak pendakwaan ke atas perintah lepas dan bebas ke atas T2 hingga T8 ditolak oleh mahkamah ini setelah meneliti merit kepada keterangan yang ada, walaupun responden-responden T2 hingga T8 tidak hadir kerana tidak dapat diserah notis bicara, namun oleh kerana keputusan Mahkamah Tinggi ini tidak memudaratkan responden T2 hingga T8 maka ianya boleh diputuskan tanpa kehadiran mereka. Peruntukan di bawah s 314 Kanun Acara Jenayah adalah seperti berikut: F

> 314 Non-appearance of respondent:
>
> (1) If, at the hearing of the appeal, the respondent is not present and the Court is not satisfied that the notice of appeal was duly served upon him, then the Court shall not make any order in the matter of the appeal adverse to or to the prejudice of the respondent, but shall adjourn the hearing of the appeal to a future day for his appearance, and shall issue the requisite notice to him for service through the Registrar. G
>
> H
>
> (2) If the service of the last-mentioned notice cannot be effected on the respondent the Court shall proceed to hear the appeal in his absence.

[4] Di bawah ini dinyatakan alasan-alasan atas keputusan Mahkamah Tinggi ini menolak rayuan T1 dan juga alasan-alasan membenarkan rayuan pendakwaan ke atas hukuman dari 10 tahun kepada 15 tahun penjara ke atas T1. I

[5] Diingatkan juga oleh kerana pihak pendakwaan tidak memfailkan

A sebarang rayuan ke atas keputusan Mahkamah Tinggi mengekalkan perintah lepas dan bebas oleh Tuan HMS ke atas T2 hingga T8 maka tidak dinyatakan alasan-alasan atas keputusan tersebut di dalam alasan penghakiman ini.

FAKTA KES PENDAKWAAN

B

[6] Pergaduhan yang membawa kematian atau maut ke atas si mati adalah berpunca hanya kepada suatu perbalahan yang kecil sahaja antara adik si mati (SP14) dengan rakan di sekolah dan telah dicampur tangan oleh T4 dan T5.

C

[7] Menurut keterangan ayah si mati Ibrahim (SP6) lebih kurang seminggu sebelum tarikh 13 Mei 2007, SP6 menerima panggilan telefon yang memintanya datang ke SMK Putera, Kota Bharu bahawa anaknya SP14 (Ramsafarin) bergaduh di sekolah. Bila SP6 (Ibrahim) sampai di bilik guru di sekolah didapati SP14 (anaknya) berada di situ bersama T4 dan T5. Di mana punca perbalahan ialah tertumpahnya kuah asam (colek) di atas kasut SP14 tetapi setelah berjumpa dengan SP6 mereka pun berdamai di situ juga.

D

[8] Seminggu selepas itu iaitu pada 13 Mei 2007, SP6 mendapat pula panggilan telefon bahawa ada orang hendak memukul anaknya SP10 (Ramsafarin) di yang bersekolah di SMK Puteri, Kota Bharu. SP6 bersama anaknya iaitu si mati telah ke SMK Puteri, sampai di sekolah, kumpulan yang hendak memukul SP10 telah melarikan diri. SP6 dinasihatkan membawa balik anaknya. Diberitahu kepada SP6 bahawa T4 dan T5 adalah orang yang sama terlibat dalam kumpulan hendak memukul SP10 itu.

E

F

[9] SP6 bersama si mati dan dua adik beradik si mati yang lain menuju ke Kampung Cherang hendak berjumpa dengan bapa kepada T4 dan T5 yang bernama Hassan di Kg Cherang, Pengkalan Chepa, Kota Bharu. SP6 bersama anak-anaknya singgah di kedai SP1 (Abdullah) yang SP6 kenali untuk bertanyakan rumah Hassan ayah kepada T4 dan T5.

G

[10] SP1 memberitahu rumah Hassan di hadapan Surau, apabila sampai di rumah Hasaan, SP6 beri salam kepada salah kepada salah seorang yang ada di rumah tersebut iaitu T2 dan apabila dilihat T2 mencari sesuatu seolah-olah senjata, lantas SP6 dan arwah mengundurkan diri pergi semula ke kedai SP1.

H

[11] Di kedai SP1, SP6 memberitahu SP1 bahawa keluarga Hassan tidak boleh diajak berbincang. Sejurus kemudian datang T1 datang dengan sebuah motorsikal dan bersalam dengan si mati, si mati memberitahu bahawa ayahnya SP6 hendak berjumpa dengan ayahnya Hassan. T1 menunjukkan kepada tiga lelaki keluar daripada sebuah kereta dan T1 menunjukkan kepada satu lelaki yang memakai semutar putih (lilit kepala) sebagai Hassan ayahnya. Sejurus

I

selepas itu datang pula sebuah kereta secara tiba-tiba membrek terdiri dari T2, T3, T4, T5 dan T6. A

[12] Semasa ini SP6 menyuruh si mati masuk ke dalam kedai risau dengan keselamatan T1, semasa T1 hendak berundur sempat pula disepak oleh T3. SP1 tuan punya kedai meminta agar T1 hingga T6 dan Hassan agar tidak bergaduh atas alasan SP6 hendak berbincang dengan Hassan. SP1 nasihatkan SP6 supaya pulang. T2, T4 dan T5 memberi amaran kepada SP6 bahawa jika beliau terserempak dengan SP6, beliau akan pukul sampai mati. B

C

[13] Lebih kurang tiga hari selepas itu iaitu pada hari kejadian (16 Mei 2007), jam lebih kurang 2 petang, Fatihah (SP15) ialah kakak si mati ada menerima panggilan telefon bahawa ada orang hendak memukul Ramsafarin (SP14) di sekolah dan meminta ayahnya SP6 supaya ke sekolah. SP6 telah meminta si mati mengambil adiknya di sekolah SMK Putera, manakala SP6 dan SP15 ke SMK Puteri untuk mengambil SP14. D

[14] Manakala di rumah si mati pula, emaknya SP8 melihat sebuah kereta Wira Hijau berkeliaran di kedai tempat SP8 berniaga yang terletak berhampiran dengan rumah si mati dan keluarganya. SP8 telah menelefon anak perempuannya Fatihah (SP14) supaya memberitahu SP6 agar balik segera. SP6 terus balik dan sesampai sahaja SP6 di kedainya, beliau menyorok di rumah kakaknya terletak berhadapan kedai SP6. SP6 mendapati Hassan sedang berdiri di situ iaitu di depan kedai SP8 berada. E

F

[15] Pada waktu itu juga di kedai tersebut terdapat anak saudaranya iaitu SP9 telah didatangi dua orang lelaki yang menaiki motorsikal bertanyakan di mana rumah si mati, SP9 berpura-pura menyatakan bahawa tidak tahu dan beliau telah lari ikut pintu belakang kedai tetapi sempat dipukul oleh dua mereka pada mulanya selepas itu tertuduh T3 hingga T8 mengejar terdiri dari lima orang T3 hingga 11. SP6 cuba untuk menyelamatkan SP9 tetapi telah didatangi oleh ramai orang mengejar SP6 lebih kurang 15 orang. G

[16] T1 telah turut mengejar SP6 dan membaling golok ke arah SP6 dan ada yang membaling batu ke arah SP6. Selepas itu T1 telah memukul SP6 dengan kayu hoki dan ditahan dengan tangan menyebabkan ibu jarinya patah. T2 pula memukul si mati dengan cota dan semasa itu si mati baru sahaja turun dari rumah bersembunyi tetapi cuba untuk menolong ayahnya SP6 yang sedang dipikul sehingga jatuh melutut. H

I

[17] Keterangan SP7 iaitu jiran si mati bahawa beliau cuba menolong SP6 dan si mati tetapi telah diberi amaran oleh penyerang-penyerang itu jangan campur tangan.

[18] Pada masa it setelah SP6 rebah kumpulan yang sama telah menyerang dan memukul pula si mati apabila si mati bangun hendak melarikan diri, T1 telah membaling golok dan kena belakang si mati dan jatuh sekali lagi. T5 telah memukul dengan topi keledar dan T3 memukul si mati dengan kayu hoki dan tertuduh yang lain turut memukul dengan besi, batang paip, dan cota. Akhir sekali pukulan yang yang mambawa maut ialah oleh T1 di mana saksi mata iaitu ayah si mati SP6, emak si mati SP8 dan SP10 adik si mati melihat bagaimana T1 memukul si mati dengan tukul besi. Di bawah ini adalah keterangan tersebut dari tiga saksi mata SP6, SP dan SP10 yang melihat tukul besi digunakan oleh T1 memukul kepada si mati:

> SP6: Yang akhir sekali T1 sepak arwah dan pukul dengan tukul di kepala, Pada masa itu saya dengan anak saya kata Allahu Akbar
>
> SP8: (ms 50) Saya nampak. Dia pukul dengan kayu hoki dan tukul besi.
>
> SP10: Yang pukul arwah T4 dan T1. T1 pukul arwah dengan tukul. T4 dengan kayu hoki.

[19] Selepas si mati dipukul dengan tukul semua penyerang bersurai dan T1 bersurai akhir sekali selepas mengambil parang/golong pada belakang tubuh si mati. Di mana SP7 dan Fatihah (SP14) adalah antara saksi yang mengesahkan bahawa T1 orang yang terakhir berlalu dari tempat kejadian. Dengan kata lain T1 dengan rasa selamat dan angkuh masih sempat mengambil semula senjata yang melekat pada badan si mati yang pada masa itu dalam keadaan nyawa-nyawa ikan.

LAPORAN BEDAH SIASAT

[20] Keterangan Pakar Forensik (SP4) yang menjalankan pembedahan ke atas mayat si mati Mohd Ramzi Ibrahim yang disahkan mati pada 7.40 pagi pada 17 Mei 2007. Keterangan SP4 mengesahkan bahawa; 'Punca kematian mangsa-kecederaan teruk di kepala-amat parah di bahagian otak-disebabkan hentakan benda tumpul. Objek yang boleh sebabkan kecederaan di bahagian tengkorak-hujungnya berbentuk bulat/separa bulat dan ianya tumpul. Hujung kayu hoki yang bengkok di depan boleh sebabkan kecederaan ini'.

[21] Laporan *postmortem* (P51) yang disediakan oleh SP4 di muka surat 4 di tajuk sebab kematian adalah;

> Kecederaan kepala yang teruk disebabkan oleh hentakan benda tumpul di kepala

PETISYEN 1 DAN 2 TUAN HMS MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BETUL APABILA MEMANGGIL T1 MEMBELA DIRI

[22] Keterangan berkenaan identiti T1 adalah tidak meragukan walaupun Laporan Kawad Cam tidak dikemukakan namun saksi-saksi pendakwaan iaitu SP6, SP8 dan SP10 telah melihat T1 di kedai kopi SP1 pada 13 Mei 2007 dan juga di perkarangan rumah semasa pergaduhan pada 16 Mei 2007.

[23] Dihujahkan juga bahawa terdapat percanggahan berkenaan apakah sebenarnya senjata atau alat yang digunakan untuk memukul si mati oleh T1, kerana terdapat keterangan yang mengatakan kayu hoki manakala SP6 dan SP10 mengatakan tukul digunakan oleh T1 pada akhir pukulan yang membawa maut. Mahkamah melihat keterangan saksi-saksi ini walaupun terdapat percanggahan namun keterangan SP6, SP8 dan SP10 mengesahkan T1 memukul dengan tukul.

TIADA PERCANGGAHAN KETERANGAN ANTARA SAKSI-SAKSI PENDAKWAAN

[24] Di dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15, Raja Azlan Shah J (Baginda Sultan pada masa itu) telah menyatakan:

> In this case different witnesses have testified to different parts of what had happened or what had been said and also there are, in the evidence of the witnesses for the prosecution, some discrepancies, as would be expected of witnesses giving their recollections of a series of events that took place in 1971-1973. In my opinion discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened. It may be open to criticism, or it might be better if they took down a notebook and wrote down every single thing that happened and every single thing that was said. But they did not know that they are going to be witnesses at this trial. I shall be almost inclined to think that if there are no discrepancies, it might be suggested that they have concocted their accounts of what had happened or what had been said because their versions are too consistent. The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other. It is, therefore, necessary to scrutinize each evidence very carefully as this involves the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances.

[25] Di dalam kes pada hari ini jika diteliti fakta, ianya sangat kelam kabut namun keterangan saksi penting SP6 adalah disokong dengan keterangan saksi-saksi lain untuk setiap tempat dan masa kejadian menjadikan ianya jika

diteliti secara keseluruhan adalah keterangan yang sangat kuat dan tiada kewas-wasan di dalam kes pendakwaan.

DI KATAKAN TIADA KETERANGAN PENTING TERKANDUNG DI DALAM LAPORAN POLIS PENGADU.

[26] Di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 815 dan kes *Hercun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209, dihujahkan oleh TPR Puan Wan Azimah adalah tepat sekali bahawa laporan polis adalah bukannya segala-galanya dan bukannya semua keterangan perlu di masukkan di dalamnya. Ianya hanya berfungsi sebagai pemberitahuan kepada polis dan hanya bertindak untuk polis memulakan siasatan sahaja. Ianya hanya maklumat pertama.

PEMBELAAN OLEH TERTUDUH 1

[27] Menurut T1 pada 13 Mei 2007 beliau telah ke kedai SP1 atas alasan adiknya bernama Zulhilmi (SD4) menyuruh T1 datang ke situ sebab SP6, si mati dan adik beradik si mati hendak berdamai berkait dengan pergaduhan antara Zulhilmi (SP9) dengan T5. T1 menelefon ayahnya (Hassan) dan abang iparnya (SD9) datang juga ke situ. Menurut T1 beliau tahu bahawa SP6 bersama si mati sebelum itu telah datang ke rumahnya mencari ayahnya.

[28] Di kedai SP1 semasa T1 mengakui terdapat pertengkaran mulut tetapi tiada pergaduhan. Menurut T1 lagi seminggu sebelum 13 Mei 2007 beliau ada ke sekolah adiknya sebab Cikgu memanggilnya berkait dengan adiknya T4 bergaduh dengan adik si mati yang bernama SP4 Ramsan. Menurut T1, ayah kepada Ramsa iaitu SP6 berjanji anaknya tidak akan mengganggu lagi adik T1.

[29] Pada hari kejadian iaitu 16 Mei 2007, menurut T1 jam 1.30 petang beliau bersama adiknya T3 balik ke rumah untuk makan tengahari dan diberitahu oleh emaknya (SD8) bahawa adiknya T3 telah ke sekolah SMK Putera kerana adiknya Safuan (T5) menelefon bahawa ada orang sedang tunggu Safuan di luar sekolah.

[30] Semasa T1 dan T3 sampai di sekolah T5, didapati T5 tidak terdapat di situ. T1 dan T3 telah berhenti minum di sebelah Stesyen Shell, Jalan Kebun Sultan. Selepas itu dalam perjalanan balik, T1 melihat kereta beliau Proton Wira warna hijau ada di depan Hong Leong Bank dan di situ ramai budak-budak sekolah dan diberitahu bahawa adiknya iaitu T2 sedang bergaduh di belakang kedai.

[31] Menurut T1 beliau tidak tahu rumah siapakah tempat kejadian itu dan T1 telah hampiri tempat adiknya T2 yang sedang bergaduh untuk menolong

adiknya. Semasa itu belum sempat untuk menolong T2, ada orang menjerit panggil polis dan semua orang lari, lantas T1 dan T3 turut melarikan diri dengan motorsikal. T1 tidak tahu apa terjadi kepada T2. T1 hanya bertemu dengan T2 di rumah dan T2 menceritakan bahawa T2 bergaduh dengan si mati, ayahnya SP6 dan adik-beradik si mati.

[32] T1 menafikan membawa apa-apa senjata semasa ke rumah tempat kejadian. T1 menafikan yang beliau bergaduh dengan si mati dan tidak pernah mempunyai rancangan untuk menyerang si mati dan keluarganya. T1 memberi alasan beliau menyerahkan diri kepada polis apabila diugut yang emaknya akan di reman jika tidak serah diri dan beliau dipukul oleh pihak polis semasa di soal siasat.

[33] Semasa disoal balas oleh pihak pendakwaan T1 menafikan memukul si mati malah tidak sempat bergaduh pada hari kejadian tersebut.

PETISYEN 9 DAN 10: PEMBELAAN T1 GAGAL MENIMBULKAN KERAGUAN MUNASABAH

[34] Apakah keraguan yang munasabah itu? Mahkamah Rayuan Malaysia di dalam kes *Sabarudin bin Non & Ors v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37 menyatakan di dalam keputusannya sebagai berikut:

> As to what is meant by *reasonable doubt* we would refer to *Underbill's treatise on The Law of Criminal Evidence* (5th Ed, Vol 1, at p 34) where the learned author states as follows:
>
> > The doubt to be reasonable must be such a one as an honest, sensible and fair-minded man might, with reason, entertain consistent with a conscientious desire to ascertain the truth. An honestly entertained doubt of guilt is a reasonable doubt. A vague conjecture or an inference of the possibility of the innocence of the accused is not a reasonable doubt. A reasonable doubt is one which arises from a consideration of all the evidence in a fair and reasonable way. There must be a candid consideration of all the evidence and if, after this candid consideration is had by the jurors, there remains in their minds a conviction of the guilt of the accused, then there is no room for a reasonable doubt. (Emphasis added.)

[35] Walaupun dikatakan terdapat versi yang berbeza berkenaan jenis senjata yang digunakan untuk memukul si mati namun dari keterangan pakar patologi SP4, ternyata bentuk alat yang menyebabkan kematian adalah dari bentuk lekuk 5 cm atau benda tumpul yang keras dan bulat yang mana bersamaan dengan kayu hoki dan tukul besi.

[36] Dengan keterangan SP4 ini sama ada kayu hoki atau tukul besi ianya menjurus kepada T1 yang terakhir sekali memukul si mati dilihat oleh ayah si

mati SP6, emak si mati SP8 dan SP10 yang mana begitu dahsyat sehingga terungkap perkataan 'Allahuakbar' oleh kedua-dua mereka semasa melihat T1 memukul si mati.

[37] Jika T1 dituduh dengan suatu pertuduhan di bawah s 302 KK sekalipun ternyata pukulan di kepala dengan tukul besi adalah suatu yang hanya akan menyebabkan maut dengan niat untuk membunuh. Oleh kerana pihak pendakwaan memilih untuk menuduh kesemua mereka dengan hanya suatu pertuduhan yang lebih ringan di bawah s 304(a) KK.

Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Cheong Kam Kuen v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 15; [2012] 8 CLJ 537:

> [17] Section 299 of the Penal Code enacts that a person commits culpable homicide, if the act by which the death is caused is done: (a) with the intention to cause death; (b) with the intention of causing such bodily injury as is likely to cause death; (c) with the knowledge that he is likely by such act to cause death.
>
> [18] Section 300 Penal Code defines murder as follows: Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder, if the act by which the death is caused is done: (1) with the intention of causing death; (2) with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused; (3) with the intention of causing such bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; (4) with the knowledge that the act is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death.
>
> [19] On the correct approach to the application of the two ss 299 and 300 of the Penal Code we would endorse the views expressed by Raja Azlan Shah FJ (as his Royal Highness then was) in the case of *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174 at p 176 as follows:
>
> > Section 299 clearly defines the offence of culpable homicide. Culpable homicide may not amount to murder (a) where the evidence is sufficient to constitute murder, but one or more of the exceptions to s 300, Penal Code apply, and (b) where the necessary degree of mens rea specified in s 299 is present, but not the special degrees of mens rea referred to in s 300, Penal Code. We would like in this connection to express the need to bear in mind that all cases falling within s 300, Penal Code must necessarily fall within s 299, but all cases falling within s 299 do not necessarily fall within s 300. The first part of s 304, Penal Code covers cases which by reason of the exceptions are taken out of the purview of s 300, cll (1), (2) and (3) but otherwise would fall within it and also cases which fall within the second part of s 299, but not within s 300, cll (2) and (3). The second part of s 304, Penal Code covers cases falling within the third part of s 299 not falling within s 300, cl (4).
>
> [20] In the present case, it is our view based on the nature of the injuries sustained by the deceased, there was evidence of an intention on the part of the appellant to

cause bodily injury to the deceased. *However, we do not agree with the finding of the learned trial judge that based on the nature and number of injuries, the appellant had the intention to cause death to the deceased. We noted that both the learned trial judge and the Court of Appeal in their decision did not address themselves on the fine distinction between s 299 and s 300 of the Penal Code before coming to a correct conclusion*.

[21] We are in agreement with the submission of learned counsel for the appellant that there is no evidence led from SP10, the pathologist as to whether the injuries inflicted on the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death. The evidence of SP10 is to the effect that the deceased suffered multiple injuries. She said: most of the injuries caused by *the blunt object*. However wound No 52 caused by sharp object (see p 70 of the appeal record Vol 1).

SP10 further stated as follows:

> The injury to the head can cause death whereas the others are not fatal by itself.This kind of injury, the chances of survival to a human. In this particular case, the chances is very slim because the injury on the face and on the head (see p 71 of the appeal record Vol 1).

[22] It is to be noted SP10 is quite certain in her evidence that apart from injuries to the head, the other injuries by themselves were not fatal. In cross-examination by the defence as regards which injury caused the death, SP10 stated that some on the face and neck of the deceased and this is an accumulative effect rather than single injury. It is therefore clear that the injuries which caused the death to the deceased were those on the face and neck, not the head and that those injuries are not fatal by themselves.

[23] We are of the view based on the above evidence of SP10 it was not proved beyond reasonable doubt that those injuries inflicted upon the deceased were sufficient in the ordinary course of nature to cause death.

[24] In view of the nature of the medical evidence given by SP10, the pathologist as earlier highlighted, it is our considered view that the present case would fall within the second part of s 299 of the Penal Code. It is our judgment that this is a case which can reasonably be brought within the lesser offence of culpable homicide not amounting to murder, falling within the first part of s 304 (s 304(a)) of the Penal Code.

[38] Adalah jelas dari keputusan kes Mahkamah Persekutuan di atas dan dibandingkan dengan keterangan SP4 dalam kes hari ini ternyata dan tanpa was-was bahawa kecederaan di kepala dengan pukulan sesuatu yang keras berlekok 5cm adalah punca menyebabkan kematian. Oleh itu, tukul adalah bersamaan dengan senjata yang dikatakan menjurus kepada T1 yang menggunakannya.

A PETISYEN 3, 4 DAN 5: ISU SAKSI-SAKSI PENDAKWAAN YANG BERKEPENTINGAN

[39] Tidak terdapat anggapan undang-undang bahawa saksi berkepentingan tidak patut dipercayai. Saksi berkepentingan adalah berhak diterima keterangan mereka sama seperti saksi-saksi lain sehingga dapat dibuktikan dari keadaan sekeliling, saksi tersebut adalah sebaliknya. Di dalam kes *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] 1 MLJ 193; [1959] 1 LNS 8 diputuskan sebagai;

> After all there is no legal presumption that an interested witness should not be believed. He is entitled to credence until cogent reasons for disbelief can be advanced in the light of evidence to the contrary and the surrounding circumstances.

[40] Selain dari saksi-saksi yang dikatakan berkepentingan seperti SP6, SP8, SP9 dan SP10, namun hanya SP7 saksi mereka yang bukan mempunyai pertalian darah. Namun keterangan SP7 adalah menyokong keterangan saksi-saksi lain yang mana kejadian berlaku di hadapan rumah SP7. SP7 dapat cam T1 sebagai salah seorang yang memukul si mati dan selari dengan keterangan SP6 dan SP10 yang mana telah menyebut 'Allahuakbar' sejurus T1 memukul kepala si mati dengan tukul, ini adalah keterangan SP7:

> SP7 Kejadian berlaku di perkarangan depan rumah saya ... waktu itu saya baru balik dari stesyen bas. Saya dengar bunyi orang seperti bergaduh. Saya lihat melalui tingkap dan lihat dua puluh orang sedang bergaduh dengan tuan rumah (SP6) yang saya panggil abang Him. Saya cuba turun leraikan pergaduhan tapi saya digertak supaya tak campur tangan urusan mereka ... *Saya dengar bunyi orang minta tolong dan bunyi 'Allahu Akbar'*. Saya pun turun dan nampak anak tuan rumah itu terbaring di lorong dekat rumah saya. Saya kenal dia sebagai Ramzi. Saya boleh cam salah seorang yang serang mangsa iaitu yang gemuk sedikit. Dia ada di Mahkamah hari ini iaitu T1 dalam kandang tertuduh.

[41] Saksi pendakwaan adalah saksi yang bercakap benar, jika diteliti kepada keterangan SP14 dan SP15 iaitu adik kepada si mati, mereka mengakui bahawa tidak melihat siapa yang memukul si mati. Jika mereka-reka cerita, sudah tentu SP14 dan SP15 boleh sahaja mengakui melihat T1 hingga T8 memukul si mati. Namun SP15 ada menyatakan bahawa T1 adalah orang yang terakhir di tempat kejadian apabila mengambil parang di bahagian belakang si mati. Keterangan SP15 ini adalah bersamaan dengan keterangan SP6 bahawa SP6 melihat T1 membaling parang dan terkena belakang si mati sebelum SP6 dipukul dengan kayu hoki dan pengsan:

> SP6 'Mereka pukul arwah Ramzi. Dia bangun nak lari. T1 telah baling golok dan kena belakang arwah dan dia jatuh'.

[42] Begitu juga dengan keterangan saksi bebas SP7, bahawa beliau menyokong keterangan SP6 dan SP15 (Fatihah) bahawa semasa SP7 turun memberi bantuan kepada si mati, T1 hanya seorang sahaja yang ada sedang mengambil golok (parang). SP7 menyatakan juga bahawa SP15 adalah orang yang mula-mula pergi memberi pertolongan kepada si mati yang pada masa itu dalam keadaan nyawa-nyawa ikan:

> SP7 'Yang mula-mula sampai ke tempat si mati ialah anak perempuan Abang Him. Lepas itu saya. Masa saya sampai, dia sedang meriba si mati'

PETISYEN 6: ISU PERTUDUHAN KE ATAS T1 YANG GAGAL DIPINDA OLEH MAHKAMAH APABILA MELEPAS DAN MEMBEBASKAN T2 HINGGA T7 DI AKHIR PERBICARAAN

[43] Pihak peguambela agak tersasar apabila menghujahkan perlu dipinda pertuduhan sebelum diputuskan T1 sahaja disabitkan bersalah manakala T2 dan T7 dilepas dan dibebaskan. Peruntukan s 158 KAJ yang berbunyi:

> 158 Court may alter or add to charge.
>
> (1) Any Court may alter or add to any charge at any time before judgment is pronounced.
>
> (2) Every such alteration or addition shall be read and explained to the accused.

[44] Di dalam kes ini penghakiman atau keputusan Tuan HMS mendapati T1 sahaja bersalah dan melepaskan dan membebaskan T2 hingga T7 adalah tidak memerlukan suatu pindaan terhadap pertuduhan. Jika diteliti s 158 KAJ di atas, ternyata pindaan boleh dibuat sebelum penghakiman dibuat agar pihak tertuduh boleh memanggil semula saksi-saksi jika mahu. Peruntukan s 158 ini tidak terpakai untuk penghakiman di akhir perbicaraan kerana T1 bukan lagi mempunyai hak untuk memanggil saksi sebab Mahkamah telah memutuskan T1 bersalah. Apakah keperluan pertuduhan dipinda dengan memadam ayat 'Bahawa kamu bersama-sama' 'dan memadam ayat' dibaca bersama-sama dengan s 34 Kanun Keseksaan'.

[45] Maksud s 158 adalah sebelum mahkamah membuat penghakimannya, mahkamah atau pihak pendakwaan boleh memohon kepada mahkamah agar membuat pindaan. Di dalam kes Mahkamah Rayuan Malaysia iaitu *Yong Kar Mun v Public Prosecutor* [2012] 6 MLJ 209; [2013] 5 CLJ 751, di mana di dalam kes ini setelah kedua-dua tertuduh dipanggil membela diri atas pertuduhan di bawah s 3 Akta Senjata Api (Penalti lebih Berat) 1971 (*Firearms (Increased Penalties) Act 1971*) dan sebelum penghakiman dibuat YA Hakim Mahkamah Tinggi telah meminda pertuduhan apabila salah seorang tertuduh meninggal dunia dan hanya seorang sahaja dituduh, dengan itu pertuduhan ditambah dengan ayat 'dengan seorang yang telah meninggal dunia iaitu Teng Mun Hoong (KPT No 690622-06-5193)' dan memasukan ayat 'dan di baca

bersama-sama s 34 Kanun Keseksaan'. Mahkamah Rayuan menyatakan begini berkenaan maksud s 158 tersebut sebagai berikut:

> Now, s 158 of the Criminal Procedure Code ('CPC') empowers the court to alter or amend a charge at any time before judgment is pronounced. And once a charge is altered or amended, it must be read and explained to the accused. Here, the amended charges in exhs. 'P111' and 'P112' were read, explained and understood by the appellant and he claimed trials thereto. The appellant also declined the offer to recall any witnesses. The amended charges in exhs 'P111' and 'P112' were also made before the judgment was pronounced. All these were certainly done within the purview of s 158 of the CPC and that section enacts as follows:
>
> 158 Court may alter or add to charge.
>
> (1) Any Court may alter or add to any charge at any time before judgment is pronounced.
>
> (2) Every such alteration or addition shall be read and explained to the accused.
>
> It is crystal clear that s 158 of the CPC is worded widely. It permits the court to amend the charge at any stage before judgment is pronounced (*Public Prosecutor v Tan Kim Kang & Ors* [1962] 28 MLJ 388; [1962] 1 LNS 137). In our judgment, it is permissible under s 158 of the CPC to amend the charge after defence has been called but before judgment is pronounced.
>
> The learned High Court Judge was right when she gave the opportunity to the appellant to recall or re-examine any witness when the charge was amended after the defence was called. The denial of such right is, in our judgment, not curable (*Anwar Hussain & Anor v The State* AIR [1952] Assam.
>
> If there are any defects to the charge whether they are discovered at the inception of the trial or at any subsequent stage of the trial prior to the pronouncement of the judgment, the court is empowered to amend the charge. It must be borne in mind that the jurisdiction to amend a charge or add an entirely new charge is exercisable on the facts of each particular case and such facts must justify such an amendment (*Harihar Chakravarty v The State of West Bengal* AIR 1954 SC 266). In our judgment, on the facts, it was justifiable for the learned High Court Judge to amend the charges as per exhs 'PUT and 'P112'. Consequently, there was no misdirection on the part of the learned High Court judge when she amended the charge twice as per exhs 'P111' and 'P112'.

[46] Pindaan kepada pertuduhan juga boleh dibuat sekiranya di akhir kes pendakwaan hanya tinggal seorang tertuduh sahaja dipanggil membela diri manakala tertuduh yang lain dibebas dan dilepaskan. Di sini tidak perlu diminta tertuduh untuk memanggil semula saksi pendakwaan. Apa yang perlu dipinda pada pertuduhan ialah memadamkan ayat 'bersama-sama' dan 'dibaca dengan s 34 KK' kerana tertuduh hanya tinggal berseorangan sahaja.

[47] Satu kes lagi dirujuk iaitu kes *Msimangga Lesaly v Public Prosecutor*

[2005] 4 MLJ 314, di akhir kes pendakwaan salah seorang tertuduh dilepas dan dibebaskan dan tinggal hanya seorang perayu sahaja dan diputuskan kegagalan mahkamah meminda pertuduhan niat bersama adalah parah. Kes ini adalah berbeza apabila di akhir kes pendakwaan tertuduh hanya tinggal berseorangan tetapi di dalam kes hari ini keputusan ialah di akhir perbicaraan barulah T1 tinggal berseorangan.

[48] Namun begitu, s 422 KAJ memberi suatu peruntukan yang tidak menjadikan suatu ketidakpatuhan dengan peninggalan boleh menjadikan ianya diputus sebaliknya walaupun pertuduhan itu gagal dipinda asalkan ianya bukan membawa kepada kegagalan kepada keadilan.

> 422 Irregularities not to vitiate proceedings
>
> Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of:
>
> (a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial, or in any inquiry or other proceedings under this Code;
>
> (b) the want of any sanction; or
>
> (c) the improper admission or rejection of any evidence,unless such error, omission, irregularity, want, or improper admission or rejection of evidence has occasioned a failure of justice.

PETISYEN 8: PENGECAMAN SP6 KE ATAS T1

[49] SP6 telah berjumpa dengan T1 sebanyak dua kali, pertama semasa di kedai SP1 (13 Mei 2007) dan kedua semasa hari kejadian di tempat kejadian (16 Mei 2007).

[50] Saksi bebas SP7 jiran SP6 dapat camkan T1 sebagai; SP7:'Saya boleh cam salah seorang yang serang mangsa iaitu yang gemuk sedikit. Dia ada di mahkamah hari ini iaitu T1 dalam kandang tertuduh'. 'Saya tak kenal T1, secara peribadi. Cuma tahu nama di Pak Jab bila jumpa dia berniaga dalam bandar'.

PETISYEN 11: TUAN HMS MENOLAK PERMOHONAN PEGUAMBELA PETISYEN 11: UNTUK MENCABAR KEBOLEHPERCAYAAN SAKSI PENDAKWAAN

[51] Permohonan peguambela untuk mencabar kebolehpercayaan saksi pendakwaan yang cuba dibangkitkan oleh peguambela kepada Tuan HMS adalah ditolak setelah diteliti oleh Tuan HMS bahawa ianya suatu percangahan yang tidak material dan tekah dapat dijelaskan oleh saksi-saksi pendakwaan

terutamanya SP6. Dengan itu kredibiliti dan keterangan SP6 dan saksi lain adalah intact dan tidak tercabar.

PENEMUAN FAKTA YANG DIBUAT OLEH TUAN HMS TIADA SEBAB UNTUK DIRAGUI ATAU DIUBAH

[52] Di teliti alasan penghakiman oleh Tuan HMS tersebut, mahkamah ini memutuskan bahawa beliau mempunyai keistimewaan melihat 'demeanor' saksi sama ada bercakap benar atau tidak. Penemuan atas sesuatu fakta oleh hakim yang mendengar kes adalah berbeza dengan hakim yang meneliti hanya melalui rekod rayuan sahaja. Mahkamah ini tidak mempunyai sebab untuk tidak menerima dapatan tersebut melainkan dapat ditujukan bahawa Tuan HMS adalah tidak munasabah di dalam penemuan fakta dan penelitian ke atas saksi-saksi pendakwaan. Oleh itu mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengganggu dapatan yang dibuat oleh Tuan HMS di akhir kes pendakwaan dan di akhir kes pembelaan untuk T1 terutamanya dan T2 hingga T8 amnya. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Muhd Zulkifli bin Abd Ghani v Public Prosecutor* [2012] 2 MLJ 1 diputuskan sebagai berikut:

> The Court of Appeal was clearly aware that it is trite law that an appellate court should be slow to interfere with the findings of fact by the trial judge. Reference was made by the Court of Appeal to the case of *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405 wherein Abdul Hamid Mohammad FCJ (as he then was) quoted a passage in the case of *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84 : ... The principle of law governing appeals in criminal cases on questions of fact is well established, in that the appeal court will not interfere unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence a witness founded on the credibility of such witness.

[53] Diteliti pada ms 4/202 alasan penghakiman beliau membuat penemuan fakta sebagai berikut atas pembuktian terhadap T1 yang diputuskan bersalah:

> Menurut SP6, T1 telah baling golok kearah si mati dan terkena di bahagian belakang si mati.TI juga telah sepak si mati setelah jatuh dan memukul kepala si mati dengan tukul. Kejadian si mati diserang dan dipukul turut disaksikan oleh SP8 dan SP10.

[54] Dengan ini, mahkamah ini mengekalkan keputusan dan penghakiman oleh Tuan HMS yang telah mendapati T1 bersalah dan disabitkan sepertimana pertuduhan. Manakala T2 hingga T7 dibebas dan dilepaskan. Rayuan oleh pihak pendakwaan ke atas T2 hingga T7 adalah ditolak.

RAYUAN KE ATAS HUKUMAN OLEH PIHAK PENDAKWAAN DIBENARKAN

[55] Hukuman 10 tahun penjara yang dijatuhkan oleh Tuan HMS adalah diputuskan oleh mahkamah ini sebagai tidak memadai dan terlampau ringan. Hukuman maksima di bawah s 304(a) adalah 30 tahun. Jika diteliti dari fakta kes ternyata T1 bertindak memukul si mati dengan tukul adalah amat kejam sekali. Dari keterangan SP6, SP7 dan SP15 ternyata T1 orang yang paling akhir meninggalkan tempat kejadian dengan mana sempat mengambil parang/golok yang berada di bahagian belakang tubuh si mati yang dibalingkan sebelum itu dan menyebabkan si mati rebah dan disepak pula si mati dan dihentam dengan tukul yang membawa maut.

[56] Tertuduh adalah bernasib baik apabila pertuduhan dari hanyalah di bawah s 304(a) sahaja bukannya di bawah s 302 yang membawa hukuman gantung kerana satu nyawa telah melayang.

[57] Kepentingan awam adalah perlu diutamakan dimana perbutan menyerang beramai-ramai dan isu pergaduhan hanya setakat isu tumpah kuah asam/colek dan berakhir dengan kematian perlu dikenakan hukuman yang berat dan setimpal agar bukan sahaja tertuduh insaf tetapi masyarakat di luar sana merasa takut dan gentar dengan hukuman yang bakal diterima jika melakukan juga.

[58] Mahkamah Rayuan Malaysia di dalam kes *Public Prosecutor v Murugesan a/l Muniyandi* [2012] 6 MLJ 805 memutuskan menaikkan hukuman dari 11 tahun kepada 18 tahun dengan merujuk kepada kes yang sebelumnya yang mana fakta adalah hampir sama iaitu membunuh si mati dengan menggunakan tukul tetapi dipenjara 19 tahun selepas mengaku salah apabila pertuduhan dipinda dari s 302 kepada s 304(a) dengan merujuk kes *Che Hassan bin Senawi v Public Prosecutor* [2009] 1 MLJ 55; [2008] 5 CLJ 769, sebagai berikut:

> In *Che Hasan bin Senawi v Public Prosecutor* [2009] 1 MLJ 55; [2008] 5 CLJ 769, the appellant was originally charged for the offence of murder under s 302 of the Penal Code. At the commencement of his trial an amended charge under s 304(a) of the Penal Code was tendered by the prosecution. The accused pleaded guilty to the amended charge. He was sentenced to 19 years imprisonment with effect from date of arrest.
>
> [24] The facts in that case show that the victim, a lady, was on her way home when she was accosted by the appellant who was riding a motorcycle. He made advances to her which she repelled. She then ran into her home and was pursued by the appellant who killed her with a hammer. The medical evidence shows that the victim died from a single blow to her head.

A [25] The Court of Appeal dismissed the appellant's appeal and affirmed the sentence passed by the High Court. In his judgment Gopal Sri Ram JCA, at p 59 (MLJ); pp 772–773 (CLJ) said:

> Ordinarily in a case of this sort the maximum sentence of 20 years would have been imposed. It is entirely possible that the sentence of 19 years imposed reflects the intention of the learned judge to take into account the appellant's plea of guilty. [Penekanan oleh saya.]

In our judgment, the correct approach to be taken where the maximum or near maximum sentence is warranted is that set out in the judgment of Yong Pung How CJ in *Sim Gek Yong v Public Prosecutor* [1995] 1 SLR 537. The learned Chief Justice of Singapore expressed a view with which we respectfully agree. This is what his honour said:

> The principles espoused above in *R v Tait and Bartley* (1979) 24 ALR 473 and *Bensegger v R* [1979] WAR 65 represent, in my view, the approach which should be adopted by a court towards the issue of maximum sentences. To restrict the maximum sentence to the 'worst case imaginable' would only invite an endless permutation of hypotheses. In the appellants' case, for instance, would the 'worst case imaginable' be one in which custom officers had been injured? Or would it be one in which one of the officers had been killed? Or would it be one in which an innocent bystander had been fatally hit by the appellant's car? The possibilities are limitless and the uncertainty intolerable. All that a court can realistically do – and all that it should do – when deciding whether or not to impose a maximum sentence is to identify a range of conduct which characterises the most serious instances of the offence in question. This would, as the court in *R v Tait and Bartley* pointed out, involve consideration both of the nature of the crime and of the circumstances of the criminal.

[26] It is our judgment that the sentence passed by the learned High Court judge in the instant appeal is not in line with the recent decisions of the court involving similar offence. Looking at the recent decisions mentioned earlier we find the sentence passed by the learned High Court judge was manifestly inadequate having regard to the facts and circumstances of the case. The learned High Court judge failed to have sufficient regard to public interest when determining the measure of sentence imposed.

[27] For the reasons given we allowed the appeal and enhanced the sentence to 18 years imprisonment from date of arrest.

[59] Di dalam kes kita pada hari ini, perbicaraan dijalankan sepenuhnya dan bukannya hukuman hasil dari T1 mengaku salah . Oleh itu hukuman 10 tahun kepada 15 tahun penjara iaitu separuh sahaja dari hukuman maksima 30 tahun adalah sangat munasabah dan tidak terlampau berat.

Rayuan tertuduh pertama ditolak, rayuan pendakwaan ke atas hukuman ke atas tertuduh pertama dibenarkan dan rayuan pendakwaan ke atas pembebasan tertuduh kedua hingga kelapan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum